

06 DISEMBER 2017

Awas samseng geng pasar

MAZLAN (kiri) menyerahkan cenderahati kepada wakil penduduk pada Program Komuniti Polis bersama Pengusaha Pasar Borong dan Ketua Polis Kuala Lumpur, semalam.

Awas samseng geng pasar

■ Polis buru gengster Myanmar edar dadah

Syazwan Msar
dan Siti Sahwa Sarkiah
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Polis mengesan kewujudan beberapa kumpulan samseng 'geng pasar' yang aktif melakukan kegiatan peras ugut di kawasan Pasar Borong Kuala Lumpur, di sini.

Kumpulan ala gengster didalangi warga Myanmar itu turut disyaki terbabit dengan aktiviti pengedaran dadah di lokasi sama.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Mazlan Lazim berkata, kumpulan berkenaan yang dianggotai mengikut etnik dan negara asal masing-masing dipercayai masih lagi bergiat aktif di kawasan terbabit walaupun polis sudah mengambil tindakan sebelum ini.

Beliau berkata, pihaknya dalam peringkat mengumpul maklumat termasuk mengenalpasti ahli dan kegiatan suspek sebelum mengambil tindakan susulan.

"Walaupun secara keseluruhan indeks jenayah di Pasar Borong Kuala Lumpur menurun 54 peratus bagi tahun ini, kami percaya masih terdapat kumpulan warga asing terus aktif me-

“**Kumpulan warga asing Myanmar ini aktif melakukan kegiatan peras ugut peniaga selain ada yang meminta wang perlindungan. Perkara ini harus dibanteras dalam usaha mewujudkan persekitaran aman serta bebas daripada jenayah**”

Mazlan

lakukan kegiatan jenayah. "Oleh itu, kita akan menjalankan operasi dalam masa terdekat bagi mengambil tindakan terhadap warga asing ini," katanya, ketika ditemui pada Program Komuniti Polis bersama Pengusaha Pasar Borong dan Ketua Polis Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Mazlan berkata, pihaknya juga akan melakukan siasatan jika mendapati warga asing terbabit mempunyai kaitan dengan kumpulan gangster yang terdapat di negara ini.

"Kumpulan warga asing Myanmar ini aktif melakukan kegiatan peras ugut peniaga selain ada juga me-

minta wang perlindungan. Perkara ini yang harus dibanteras dalam usaha mewujudkan persekitaran aman serta bebas daripada jenayah.

"Pada masa sama, kami menempatkan dua pegawai dan beberapa anggota polis di Pasar Borong Kuala Lumpur supaya maklumat berkaitan jenayah boleh disampaikan lebih cepat untuk tindakan lanjut," katanya.

Selain itu beliau berkata, indeks jenayah di Pasar Borong berkenaan menurun kepada 240 kes tahun ini berbanding 340 kes pada tahun lalu.

"Beberapa kesalahan menunjukkan penurunan ketara berbanding yang lain. Oleh itu polis memberi penekanan dalam menangani *street pusher* (pengedar dadah jalanan) menerusi kerjasama dengan beberapa pihak lain seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan peratuan penduduk.

"Selain itu, polis juga akan menjalankan operasi menahan pendatang tanpa izin (PATI) terutama di Pasar Borong Kuala Lumpur sekali gus dapat mengurangkan kadar jenayah di kawasan berkenaan," katanya.